



# **POLISI OPERASI UNIT KESIHATAN AWAM HOSPITAL KOTA MARUDU**



## JADUAL PINDAAN

TARIKH	VERSI	BUTIRAN PINDAAN
21 Mei 2024	2.0	<p>3.2 Waktu Operasi</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Perubahan waktu operasi</li></ul>
		<p>5.3 Menjalankan dan memantau aktiviti kawalan dan pencegahan LILATIN yang dijalankan di dalam kawasan hospital.</p> <p>5.5 Memantau dan melaksana aktiviti pemeriksaan pembiakan jentik-jentik melalui Jawatankuasa Denggi Champion Hospital.</p> <p>5.7 Menjalankan aktiviti promosi kesihatan berkaitan isu-isu kesihatan awam melalui ceramah, pameran, kursus dan taklimat.</p>
		<p>6.2.3 Pemeriksaan serta merta akan dijalankan sekiranya terdapat aduan terhadap premis makanan di dalam kawasan hospital.</p> <p>6.3.2 Menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk didalam kawasan hospital sebanyak 2 kali dalam seminggu iaitu pada hari selasa dan hari jumaat.</p> <p>6.3.3 Menjalankan aktiviti pemasangan ovitrap didalam kawasan hospital sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.</p> <p>6.4 Menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang Kesihatan Awam (Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000))</p>

		<p>6.5 Menjalankan aktiviti promosi kesihatan berkaitan isu-isu kesihatan awam melalui ceramah, pameran, kursus dan taklimat.</p> <p>7.3 Kawasan Hospital hendaklah bebas daripada pembiakan nyamuk dan juga bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk.</p> <p>7.4 Kawasan Hospital hendaklah bebas daripada aktiviti merokok termasuk rokok elektronik.</p> <p>8. Rujukan</p> <p>8.1 Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.</p> <p>8.2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.</p> <p>8.3 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.</p> <p>8.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003, Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.</p> <p>8.5 Garis Panduan Pengurusan Biro Aduan Awam Tahun 2013: Penambahbaikan Pengurusan Aduan di Agensi Sektor Awam Malaysia.</p> <p>8.6 PKPA bilangan 1, Tahun 2019: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam.</p>
--	--	--

POLISI OPERASI UNIT KESIHATAN AWAM  
HOSPITAL KOTA MARUDU

---

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. PENGENALAN	1
2. VISI	1
3. MISI	1
4. OBJEKTIF	1
5. CARTA ORGANISASI	2
6. WAKTU OPERASI	2
7. SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN	3
8. SKOP PERKHIDMATAN	3
9. POLISI OPERASI UNIT	4
10. FASILITI DAN PERALATAN	6
11. RUJUKAN	6

---

# **POLISI OPERASI UNIT KESIHATAN AWAM**

## **1. PENGENALAN**

Unit Kesihatan Awam Hospital Kota Marudu ditubuhkan pada 08.09.2014. Unit ini hanya menempatkan seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Unit ini ditempatkan di Jabatan Pesakit Luar dan berkongsi pejabat dengan Unit Kejuruteraan dan Unit Teknologi Maklumat.

## **2. VISI, MISI DAN OBJEKTIF**

### **2.1 Visi**

Ke arah warga kerja yang sihat dari segi fizikal, mental dan sosial serta mempromosi tempat kerja dan persekitaraan yang bersih, selamat dan sihat.

### **2.2 Misi**

2.2.1 Menyediakan perkhidmatan yang cekap, mesra dan berkualiti berdasarkan nilai-nilai etika dan profesional untuk warga kerja dan pesakit.


2.2.2 Memastikan tempat kerja dan persekitaran Hospital Kota Marudu bersih, selamat dan sihat.

### **2.3 Objektif**

Memastikan agar semua kakitangan Hospital Kota Marudu dan orang-orang yang berkaitan dalam aktiviti-aktiviti atau berurusan dengan Hospital Kota Marudu sentiasa berada di dalam keadaan persekitaran yang selamat dan sihat.

### 3. PENGURUSAN ORGANISASI

#### 3.1 Carta Organisasi



#### 3.2 Waktu Operasi

<b>Hari</b>	<b>Masa</b>
Isnin – Jumaat	Waktu Masuk Pagi : 7.30 – 9.00
	Waktu Pulang Petang : 4.30 – 6.00
Sabtu dan Hari Kelepasan Am	Tidak Bertugas

#### **4. SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN**

- 4.1 Unit Kesihatan Awam hanya mempunyai seorang kakitangan sahaja iaitu seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29, maka Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 ini sekaligus menjadi Ketua Unit di Kesihatan Awam.
- 4.2 Kakitangan di unit ini bertugas selama 9 jam termasuk masa rehat. Iaitu selepas kakitangan mula "thump in" diantara jam 7.30 pagi sehingga jam 9.00 pagi dan akan balik diantara jam 4.30 petang sehingga jam 6.00 petang. Masa rehat adalah pada jam 1.00 pm sehingga jam 2.00 pm.
- 4.3 Kerja lebih masa boleh diberikan kepada kakitangan unit ini mengikut keperluan dan kakitangan layak untuk membuat tuntutan lebih masa keatas semua kerja lebih masa yang diarahkan dengan syarat kakitangan mempunyai rekod yang sahih berkenaan kerja lebih masa tersebut dan di sahkan oleh Pengarah Hospital.
- 4.4 Penilaian secara formal melibatkan dua peringkat penilaian yang dibuat pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Penilaian tersebut hendaklah di dokumen secara rasmi dengan menggunakan borang penilaian prestasi yang diluluskan. Penilaian dibuat melalui HRMIS.
- 4.5 Ketua unit hendaklah bertanggungjawab untuk membuat perancangan bagi membolehkan kakitangan unit mengikuti kursus pos basik tanpa menjejaskan perkhidmatan Unit Kesihatan Awam di Hospital.
- 4.6 Permohonan mengikuti latihan pos basik mestilah dibuat melalui ketua unit dan pengesahan oleh Pengarah Hospital.

#### **5. SKOP PERKHIDMATAN**

- 5.1 Memantau dan melaksana aktiviti laporan penyakit berjangkit melalui sistem e-notifikasi.
- 5.2 Menjalankan pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan dalam kawasan Hospital Kota Marudu.
- 5.3 Menjalankan dan memantau aktiviti kawalan dan pencegahan LILATIN yang dijalankan di dalam kawasan hospital.
- 5.4 Memantau aktiviti persampelan air minum dalam kawasan Hospital Kota Marudu yang dilakukan oleh pihak SEDAFIAT.



- 5.5 Memantau dan melaksana aktiviti pemeriksaan pembiakan jentik-jentik melalui Jawatankuasa Denggi Champion Hospital.
- 5.6 Menjalankan siasatan bagi kes penyakit berjangkit yang berlaku dalam kawasan Hospital Kota Marudu.
- 5.7 Menjalankan aktiviti promosi kesihatan berkaitan isu-isu kesihatan awam melalui ceramah, pameran, kursus dan taklimat
- 5.8 Menjalankan siasatan aduan berkaitan kesihatan awam.
- 5.9 Menjalankan aktiviti bersepadu bersama Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Marudu bagi penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

## **6. POLISI OPERASI UNIT**

- 6.1 Memantau dan melaksana aktiviti laporan penyakit berjangkit melalui sistem e-notifikasi, telefon, email dan faks.
  - 6.1.1 Semua kes penyakit berjangkit yang dirawat di hospital Kota Marudu akan di input kedalam sistem notifikasi oleh unit yang mendiagnos penyakit tersebut mengikut masa yang telah ditetapkan.
  - 6.1.2 Memo peringatan akan dikeluarkan oleh Unit Kesihatan Awam sekiranya berlaku kelewatan proses input kes ke dalam sistem e-Notifikasi.
  
- 6.2 Menjalankan pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan dalam kawasan Hospital Kota Marudu
  - 6.2.1 Semua premis makanan yang terdapat didalam kawasan Hospital Kota Marudu akan diperiksa tahap kebersihan dan keselamatan makanan mereka.
  - 6.2.2 Pemeriksaan akan dijalankan paling kurang sekali dalam 1 bulan.
  - 6.2.3 Pemeriksaan serta merta akan dijalankan sekiranya terdapat aduan terhadap premis makanan di dalam kawasan hospital

6.3 Menjalankan dan memantau aktiviti kawalan dan pencegahan LILATIN yang dijalankan di dalam kawasan hospital.

6.3.1. Semua aktiviti kawalan dan pencegahan LILATIN yang dilaksanakan oleh pihak SEDAFIAT akan dipantau untuk memastikan aktiviti kawalan dan pencegahan yang dijalankan berkesan.

6.3.2 Menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk didalam kawasan hospital sebanyak 2 kali dalam seminggu iaitu pada hari selasa dan hari jumaat.

6.3.3 Menjalankan aktiviti pemasangan ovitrap didalam kawasan hospital sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

6.4 Menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang Kesihatan Awam (Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000))

6.4.1 Aktiviti penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam akan dijalankan bersama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Marudu.

6.4.2 Aktiviti risikan dan pemantauan di kawasan persekitaran hospital akan dijalankan sepenuhnya oleh Unit Kesihatan Awam

6.5 Menjalankan aktiviti promosi kesihatan berkaitan isu-isu kesihatan awam melalui ceramah, pameran, kursus dan taklimat

6.5.1 Pegawai di Unit Kesihatan Awam perlu aktif didalam mempromosikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

6.5.2 Pegawai juga perlu bekerjasama dengan unit lain yang berkaitan untuk mempromosikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

## **7. FASILITI DAN PERALATAN**

- 7.1 Kakitangan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga dan memastikan fasiliti dan peralatan yang digunakan di Unit Kesihatan Awam sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat kerosakan dan peralatan yang perlu penyelenggaraan, kakitangan di unit akan melaporkan kepada pihak konsesi yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara fasiliti dan peralatan ini.
- 7.2 Kakitangan unit juga hendaklah memastikan semua peralatan di unit telah didaftarkan sebagai aset hospital.
- 7.3 Kawasan Hospital hendaklah bebas daripada pembiakan nyamuk dan juga bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk.
- 7.4 Kawasan Hospital hendaklah bebas daripada aktiviti merokok termasuk rokok elektronik.

## **8. RUJUKAN**

- 8.1 Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004
- 8.2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
- 8.3 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975
- 8.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003, Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.
- 8.5 Garis Panduan Pengurusan Biro Aduan Awam Tahun 2013: Penambahbaikan Pengurusan Aduan di Agensi Sektor Awam Malaysia.
- 8.6 PKPA bilangan 1, Tahun 2019: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam.